

Baik pulih prasarana elak banjir kilat



■ Kamaruzzaman diberi penerangan tentang kawasan yang sering dilanda banjir.

SRI MUDA - Gerakan turun padang bagi mengenal pasti permasalahan rakyat dilihat mampu menyelesaikan perkara yang menjadi beban khususnya kepada penduduk setempat.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Sri Muda, Ir Kamaruzzaman Johari berkata, antara perkara yang menjadi tumpuan beliau kini ialah kemudahan prasarana dan keselesaan orang ramai khususnya di kawasan ini.

Menurutnya, beberapa lokasi telah dikenal pasti sering mengalami banjir kilat yang berpunca daripada sistem pengaliran yang tidak sistematik.

“Pihak berkenaan telah dihubungi untuk

menyediakan longkang yang sesuai bagi mengelakkan tebing runtuh dan banjir kilat di sini.

“Masalah ini perlu diberi perhatian kerana ia melibatkan kesejahteraan penduduk yang sering kali tertekan pada setiap kali musim hujan,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengadakan tinjauan ke Bukit Badak dan kawasan sekitar bagi meninjau masalah banjir kilat yang sering berlaku di situ.

Menurutnya, aktiviti seperti itu akan diteruskan dari semasa ke semasa untuk mendalami permasalahan setempat dan mencari penyelesaian melalui saluran yang ada demi kesejahteraan penduduk bersama.